

Perkasa: Batal TPPA atau agenda Bumiputera "berkecai"
Malaysian Insider
Sept 18 , 2013
OLEH HASBULLAH AWANG CHIK

Datuk Ibrahim Ali memberi amaran kepada Putrajaya agar tidak menandatangani Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) jika tidak mahu segala inisiatif yang diumumkan Datuk Seri Najib Razak berkecai.

Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) itu berkata amaran itu dibuat bagi memastikan pengumuman Perdana Menteri terhadap program pemeraksanaan ekonomi Bumiputera itu dapat direalisasikan dengan jayanya.

"Saya ingatkan kerajaan agar tidak menandatangani TPPA atas dasar risiko yang perlu diambil Malaysia. Jika perjanjian itu terlaksana, ia memberi ancaman kepada perdagangan negara dengan dasar keterbukaannya.

"Perkasa juga melihat agar kerajaan perlu lebih telus dalam proses pemerolehannya ekoran banyak ketirisan yang telah berlaku.

"Selain itu, kami mengingatkan kerajaan agar bukan sahaja melihat agenda Bumiputera dari sudut meritokrasi kerana banyak lagi di kalangan mereka yang masih belum mampu bersaing," katanya kepada pemberita di Kelab Sultan Sulaiman di Kuala Lumpur hari ini.

Perkasa juga mahu melihat sama ada Keluaran Negara Kasar (KNK) Bumiputera menjelang tahun 2020 setanding atau makin jauh dengan kaum lain kerana pertubuhan itu mahu melihat KNK pendapatan per kapita Bumiputera RM50,000 menjelang 2020 agar KNK nanti mampu mencapai RM90 billion.

Ibrahim berkata dana RM1.4 trillion perlu disuntik kepada Bumiputera bagi menghadapi RM125,000 pendapatan per kapita kaum lain ekoran kebanyakan pekerja Bumiputera masih bekerja dalam sektor kerajaan mahu pun swasta.

"Kerajaan perlu memastikan kebahagiaan rakyat disebabkan sumber kekayaan negara yang melimpah-ruah dikurniakan Allah meskipun hutang negara catatkan peningkatan dan sememangnya kerajaan mampu.

"Pada 2008, sebanyak RM80 billion telah dibelanjakan kerajaan bagi menampung kos subsidi dan kebanyakan daripada rakyat Malaysia merupakan kumpulan yang layak menerima subsidi. Perolehan kerajaan telah banyak terjejas akibat ketirisan seperti cukai negara yang tidak dapat dikutip dan hal ini dapat diatasi dengan urus tadbir yang baik," katanya.

Beliau turut mempersoalkan pihak yang sering mempertikai keistimewaan Bumiputera kerana katanya kaum Bumiputera juga tidak mempertikai kekayaan kaum lain seperti pemilikan pusat judi, pusat hiburan, termasuk kilang arak.

Katanya, selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru pada 1990, kaum bukan Bumiputera masih menerajui ekonomi negara dengan mendapat keuntungan trillion ringgit.

"Ada kita bising? Orang Melayu tak campur perniagaan mereka. Berapa banyak konglomerat bukan Melayu yang mendapat dana kerajaan dan kontrak? Kita baru ada

seorang hartawan Melayu. Salah ke kita nak tambah dua atau tiga orang lagi? Mereka dah ada banyak konglomerat," katanya.- 18 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/perkasa-batal-tpa-atau-semuanya-berkecai>